

20 pakar cari punca banjir besar

Kota Bharu: Seramai 20 pakar penyelidik daripada pelbagai universiti yang dilantik bagi melakukan kajian mengenal pasti punca banjir membabitkan beberapa negeri, mula turun ke lokasi sejak pagi kelmarin.

Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Dr Zaini Ujang, berkata kumpulan penyelidik yang diketuai Dekan Fakulti Kajian Air Berssekutu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Dr Zulkifeli Yusop itu dijangka mengambil masa setahun bagi menyiapkan kajian.

Katanya, kajian berkenaan dimulakan di Kelantan, pagi kelmarin, berikutan banjir di negeri itu sudah surut sebelum ke beberapa negeri lain yang terbabit banjir.

“Kajian ini mempunyai tiga fasa dan bukan saja memfokuskan punca banjir, sebaliknya prosedur operasi standard (SOP) dan kaedah yang perlu digunakan bagi memastikan banjir teruk tidak berulang.

Manfaat besar

“Semua pensyarah mempunyai kepakaran dalam bidang sumber air. Kita yakin hasil kajian ini nanti mampu memberi manfaat besar kepada negara,” katanya ketika ditemui di Sekolah Kebangsaan (SK) Tengku Indera Petra, di sini, semalam.

Akhbar sebelum ini melaporkan, pakar universiti tempatan diminta menggembleng tenaga membantu

kerajaan melakukan kajian menyeluruh dalam isu banjir dan tidak bergantung kepada kepakaran luar.

Beri input kepada Kabinet

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kepakaran penyelidik tempatan diperlukan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) banjir serta memberi input kepada kerajaan seperti dibincangkan dalam Kabinet.

Dalam perkembangan lain, Zaini berkata, hampir keseluruhan 165 sekolah yang terjejas banjir sudah diberishkan.

Sehingga kini, katanya, sebanyak 22 sekolah masih dalam proses pembersihan sebelum sesi persekolahan bermula hari ini.